



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 4 DISEMBER 2025**

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                                   | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1.   | RM1 JUTA BANTU 505 PENTERNAK TERENGGANU<br>TINGKAT KECEKAPAN OPERASI, TERENGGANU,<br>HARAKAH, M/S – 14 | LAIN – LAIN                    |
| 2.   | SENTIASA SEGAR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16                                                          |                                |
| 3.   | INOVASI DIGITAL ANGKAT PRODUKTIVITI SAWAH PADI,<br>RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 16                  |                                |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# RM1 juta bantu 505 penternak Terengganu tingkat kecekapan operasi

**KUALA NERUS:** Kerajaan Terengganu memperkukuh sektor penternakan dengan menyalurkan RM1 juta bagi membantu 505 penternak yang layak di seluruh negeri.

Bantuan itu diberikan melalui penyediaan peralatan lengkap untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kos pengurusan ternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Keterjaminan Makanan Negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, agihan itu memberi keutamaan kepada penternak aktif yang menepati syarat kelayakan jabatan.

"Pelbagai peralatan di-

**“Kerajaan Terengganu memperkukuh sektor penternakan dengan menyalurkan RM1 juta bagi membantu 505 penternak yang layak di seluruh negeri.”**



Dr Azman Ibrahim

agihkan termasuk kit penternakan, sprayer, pam air, water jet, brush cutter, fertilizer spreader, alat penimbang digital dan mesin chopper, semuanya dirangka untuk melengkapkan

ekosistem pengurusan ternakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Program Penyerahan Bantuan Input Penternakan dan Program Peningkatan Populasi Ter-

nakan Ruminan Tahun 2025, di Kampung Banggol Nyior, di sini, pada Selasa.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Hishamuddin Abdul Karim; Pegawai Daerah Kuala Nerus, Ahmad Azizi Zulkiffi; dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, Dr Anun Man.

Azman yang juga ADUN Jabi memaklumkan fasa pertama agihan telah selesai melibatkan daerah Besut, Setiu dan Kuala Nerus.

“Selebihnya akan kita teruskan dalam tempoh terdekat bagi memastikan semua penerima mendapat peralatan masing-masing,” katanya.



| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 4/12/2025 | HARIAN METRO | LOKAL   | 16         |



## *Sentiasa segar*

BEBERAPA petani tekun membungkus hasil kubis pada waktu pagi dalam suasana tanah tinggi yang sejuk dan subur di Ladang Sayur Mentoki, Kundasang, kelmarin. Persekitaran yang segar bukan sahaja menyenangkan malah membantu mengekalkan kualiti tanaman sebelum dihantar ke destinasi seterusnya. Kobis yang dituai disusun mengikut gred terlebih dahulu sebelum dibungkus dan diatur dengan rapi, bagi memastikan proses penghantaran ke pasar-pasar tempatan berjalan lancar. Langkah ini menjamin bekalan sayur-sayuran segar sentiasa dapat memenuhi permintaan harian pengguna di seluruh Sabah.





Oleh Lee Chee Leong  
dan Mubammad Zulkarnain  
Zulkifli

**J**IKA seseorang berjalan di sekitar kawasan sawah padi di Sekinchan, mereka mungkin menyedari kewujudan peranti perangkap serangga berkuasa solar yang dipasang di tepi kebanyakan sawah padi.

Lebih daripada sekadar berfungsi sebagai perangkap serangga, seluruh peranti ini turut dipasang dengan rod kecil litar bersepadu (IC) dan kamera untuk merakam visual serangga melalui penggunaan aplikasi. Cara ini membolehkan serangga dikenal pasti hanya melalui telefon.

Kegunaan peranti ini untuk membolehkan pesawah memantau keadaan serangga perosak serta mendapatkan pengesanan masa nyata terhadap serangga yang sering merosakkan sawah padi secara besar-besaran.

Melalui transformasi kaedah pemantauan serangga ini, ia dapat mengurangkan kemungkinan pesawah hanya menyedari serangan perosak setelah sebahagian besar sawah dijangkiti.

Selain itu, pelancong dengan mudah melihat penggunaan teknologi moden oleh pesawah tempatan terutamanya pada musim penaburan benih iaitu September dan Oktober. Antara teknologi tersebut ialah dua mesin penting yang diimport dari Taiwan, iaitu Pengisih Dulang Benih Padi dan Sistem Semaian Anak Padi Berjentera.

Mesin pertama memastikan tanah dan benih diedarkan secara seragam untuk pertumbuhan anak benih yang optimum, manakala mesin kedua meningkatkan keseragaman pertumbuhan anak benih, mengurangkan kos buruh dan mengoptimalkan penggunaan benih. Sudah tentu, proses pengeluaran besar-besaran yang cekap ini membantu memodenkan penanaman padi sejak beberapa tahun lalu.

Selain penanaman padi, seorang tokoh kelahiran Sekinchan, Datuk Pua Khein Seng, mencipta nama sebagai seorang usahawan Malaysia yang berjaya dalam industri semikonduktor hari ini.

Dilahirkan dalam keluarga petani sayur di Sekinchan,

# Inovasi digital angkat produktiviti sawah padi



**PENGUNAAN teknologi moden di Sekinchan termasuk perangkap serangga berkuasa solar, aplikasi pengesanan perosak, serta mesin penaburan dan semaian dari Taiwan mengubah cara pesawah memantau dan mengurus sawah.**

Khein Seng memilih untuk menceburi sektor elektronik yang pada ketika itu bukan kerjaya utama penduduk tempatan di Sekinchan.

Usaha keras beliau di Taiwan membawa kejayaan besar dalam industri semikonduktor dan kini masih dikenali sebagai individu di sebalik penciptaan pemacu USB cip tunggal pertama dunia pada 2001.

Dengan menggabungkan pengawal (*controller*) dalam satu cip, reka bentuk sedemikian menjadikan pemacu USB lebih padat dan lebih murah untuk dihasilkan secara besar-besaran.

Sehingga kini, syarikatnya di Taiwan, Phison Electronics Corp., beroperasi dengan 4,000 orang pekerja dan memiliki nilai bersih sebanyak AS\$7.82 bilion (RM32.3 bilion) setakat November 2025. Perlu diingatkan juga inilah syarikat yang memasang peranti perangkap serangga berkuasa solar di kawasan sawah padi di Sekinchan.

## MERENTASI TIGA DOMAIN

Tanpa ragu, peranti perangkap serangga berkuasa solar merupakan contoh klasik inovasi sosial digital (DSI) yang ditakrifkan sebagai proses pemanfaatan teknologi digital untuk transformasi tingkah laku manusia supaya menjadi lebih berkesan, efisien dan mampan dalam menangani cabaran-cabaran masyarakat.

Apa yang wajar diketengahkan walaupun

terdapat elemen teknologi digital dalam kes ini, peranti perangkap serangga berkuasa solar harus diiktiraf sebagai alat yang mengubah amalan lazim pesawah yang selama ini memeriksa kemungkinan kehadiran perosak di sawah pada waktu yang tidak tepat.

Dengan pemasangan peranti ini oleh Phison, para pesawah dapat memeriksa kehadiran perosak dengan mudah melalui telefon pintar mereka dan jika ada, mereka boleh bertindak serta-merta dengan mengambil langkah bersesuaian terhadap spesies perosak tertentu yang menyerang sawah mereka. Ini mengurangkan secara drastik kemungkinan pesawah mengalami kerugian besar, seperti yang berlaku pada masa lalu. Akhir sekali, penggunaan tenaga solar juga menyuntik elemen kemampanan kepada kedua-dua fungsi teknologi digital tersebut.

Bagi penanaman padi di Sekinchan, rangkaiannya dengan Taiwan sudah lama terjalin. Allen Lim, arkitek kepada penggunaan teknologi tersebut yang juga mengendalikan Galeri Padi Sekinchan, tidak teragak-agak untuk berkongsi menghabiskan sekurang-kurangnya satu dekad berulang-alik dari Sekinchan ke Daerah Chia-yi (Taiwan) untuk mempelajari teknik serta penggunaan teknologi dalam penanaman padi moden. Kedua-dua mesin yang diimport dari Taiwan ini seterusnya mengubah

penanaman padi secara tradisional kepada yang moden di Sekinchan.

Melalui usaha-usaha penyesuaian teknologi oleh pesawah Sekinchan tanpa mengira kaum, hasilnya kini jelas kelihatan. Walaupun memiliki kawasan penanaman keseluruhan empat kali lebih kecil (19,057 hektar) berbanding Kedah, Sekinchan mencatat kadar hasil padi tertinggi di Malaysia pada 2023 dan masih kekal sebagai antara kawasan dengan kadar hasil tertinggi pada hari ini.

Kejayaan ini kemudiannya dijenamakan semula sebagai Program Sawah Padi Pintar Berskala Besar gaya Sekinchan (SMART SBB) dan kini ia diperkayakan dengan varieti benih baharu serta internet kebendaan (IoT). Berikutan kemerosotan bekalan beras tempatan sejak kebelakangan ini, kerajaan Malaysia kini mensasarkan kejayaan Sekinchan sebagai model penanaman padi negara bagi menangani isu keselamatan makanan tersebut.

Akhir sekali, tokoh kebanggaan Sekinchan, Khein Seng, kini kembali ke Malaysia dengan pelaburan bernilai RM100 juta untuk sebuah syarikat pemula tempatan yang mereka bentuk storan kecerdasan buatan (AI).

Dikenali sebagai MaiStorage Technology Sdn. Bhd., syarikat ini merupakan cabang daripada Phison yang berpusat di Hsinchu (Taiwan) dan ditugaskan untuk mengembangkan pasaran Asia Tenggara bagi produk

terbaharu mereka iaitu stesen kerja aiDAPTIV+.

Berbanding penyelesaian dan perkakasan AI di pusat data yang begitu mahal dan hanya mampu digunakan oleh syarikat-syarikat multinasional, aiDAPTIV+ menawarkan harga yang jauh lebih murah kepada semua lapisan masyarakat yang ingin menguasai AI.

Bergantung pada jenis kerja yang dikendalikan, aiDAPTIV+ boleh menjadi penyelesaian AI untuk sekolah, universiti atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dengan akses internet yang stabil, mana-mana institusi di kawasan luar bandar juga boleh menggunakan stesen kerja tersebut untuk melatih model-model bahasa besar (LLMs) seperti mana yang dilatih oleh syarikat-syarikat multinasional dan tempatan di kawasan bandar.

Justeru itu, akses AI di kawasan miskin bukan lagi sekadar impian. Malah, sekiranya Malaysia berjaya menjadi hab aiDAPTIV+ untuk ASEAN dan dunia membangun secara keseluruhannya, berpotensi untuk menghasilkan purlokan ekonomi yang tidak terkira. Ini belum lagi termasuk maklumat jangka panjang MaiStorage untuk mengambil dan melatih jurutera-jurutera tempatan bagi mereka bentuk produk-produk AI baharu yang mungkin akan lahir dari Malaysia suatu hari nanti.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga rangkaian ini merupakan manifestasi aktor sosial yang belajar daripada pengalaman Taiwan dan mengadaptasi hasil pembelajaran mereka dengan keadaan setempat. Ini mungkin menjadi titik permulaan bagi kajian pada masa yang akan datang mengenai penglibatan masyarakat Malaysia dengan Taiwan.

LEE Chee Leong ialah Pensyarah Kanan di Institut Kajian China (ICS), Universiti Malaya, Ketua Editor Jurnal Antarabangsa Kajian China (UCS) dan Penasihat kepada Dewan Perniagaan dan Industri Taiwan di Malaysia (TWCHAM).

MUHAMMAD Zulkarnain Zulkifli ialah Penolong Editor UCS dan Pelajar Sarjana Muda dari Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya.